



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 24 Tahun 2013**

**CUTI TANPA REKOD PERAYAAN VAISAKHI**

**TUJUAN**


1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod pada Perayaan Vaisakhi kepada penganut Sikh yang berkhidmat di Universiti Teknologi MARA.

**LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari diberi kepada penganut Sikh yang berkhidmat di Universiti Teknologi MARA pada Perayaan Vaisakhi iaitu 14 April setiap tahun mulai 2013 bagi kemudahan mereka menunaikan tanggungjawab keagamaan.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan Universiti Teknologi MARA yang ke 142 pada 18 April 2013 telah bersetuju menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bil. JPA(S)223/8/3Kit.18(46) bertarikh 31 Januari 2013 berkenaan kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari yang diberikan kepada semua penjawat awam penganut Sikh pada Perayaan Vaisakhi berkuat kuasa mulai 31 Januari 2013.

4. Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 134 pada 26 Jun 2013 telah bersetuju mengesahkan keputusan Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan untuk menerima pakai kemudahan Cuti Tanpa Rekod pada Perayaan Vaisakhi untuk semua penganut Sikh yang berkhidmat di Universiti Teknologi MARA berkuat kuasa mulai tahun 2013.



## PELAKSANAAN

5. Memandangkan Hari Vaisakhi Tahun 2013 jatuh pada hari kelepasan mingguan, maka Universiti Teknologi MARA bersetuju supaya kelulusan Khas Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi bagi tahun 2013 **dibawa kepada hari berikutnya** berdasarkan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPA.SARAAN(S) 223/8/3Kit.19(17) bertarikh 10 April 2013. Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi tahun-tahun berikutnya adalah kekal mengikut prinsip dan peraturan pemberian cuti yang berkuat kuasa.

6. Pihak moderator cuti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan permohonan Cuti Tanpa Rekod Hari Vaisakhi dilaksanakan dan dikemaskini.

## TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling dikeluarkan pada **18 September 2013**.

## TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **31 Januari 2013**.



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**

Pendaftar

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(UDG/24/2013)*